

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI AZALINA OTHMAN SAID
(PENGERANG)**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019

SOALAN

DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID [PENGERANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi membolehkan ibu warganegara Malaysia mendapatkan status kewarganegaraan bagi anak-anak mereka yang dilahirkan di luar negara dengan asas yang sama dengan bapa warganegara Malaysia memandangkan ramai ibu warganegara Malaysia kekal dalam perkahwinan yang bermasalah disebabkan kekangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Perkara 14(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa individu yang dilahirkan di Malaysia dengan salah seorang ibu atau bapa mereka adalah warganegara Malaysia layak dianugerahkan kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang, tertakluk kepada pematuhan syarat di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN82/1964] serta perundangan berkaitan seperti kesahatarafan anak, pendaftaran perkahwinan, dan lain-lain.

Bagi individu yang dilahirkan di luar negara, kaedah pemerolehan kewarganegaraan adalah seperti mana berikut:-

- a) Kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang di bawah Perkara 14(1) Perlembagaan Persekutuan bagi anak kepada lelaki warganegara Malaysia. Walau bagaimanapun, anak tersebut mestilah dilahirkan hasil perkahwinan yang berdaftar di bawah perundangan yang berkuat kuasa di Malaysia; dan
- b) Kewarganegaraan melalui pendaftaran di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan bagi anak berumur bawah 21 tahun kepada wanita warganegara Malaysia. Dalam hal ini, pertimbangan di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan turut mengambil kira dasar Kerajaan yang tidak mengiktiraf dwi-kewarganegaraan.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengambil maklum mengenai permasalahan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan ibu warganegara Malaysia yang melahirkan anak di luar negara pihak Kementerian sedang giat menjalankan penambahbaikan komprehensif terhadap prosedur pengendalian standard (SOP) agar ia bersesuaian dengan hala tuju negara dan seimbang daripada aspek kemanusiaan tanpa mengabaikan keselamatan negara serta kesejahteraan warganegara sedia ada.